

Bagi jumlah penonton rancangan siaran langsung sidang Parlimen menerusi saluran RTM, TV1 sebagaimana data yang dikeluarkan oleh AC Nielson adalah seperti berikut :

- 2010 – 37,000 orang sehari
- 2011 – 35,000 orang sehari
- 2012 – 70,000 orang sehari
- 2013 – 180,000 orang sehari

Walau bagaimanapun, mulai sesi persidangan Parlimen tahun 2014, RTM telah menggunakan data yang dikeluarkan oleh agensi Media Analytics, purata penonton siaran langsung persidangan Parlimen sehingga bulan Mei 2014 adalah 155,000 orang sehari.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' DR. TAN KEE KWONG**

**KAWASAN : WANGSA MAJU**

**TARIKH : 19 JUN 2014, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB. DATO' DR. TAN KEE KWONG (WANGSA MAJU) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan status terkini pembinaan lebuh raya DUKE 2.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek sambungan Lebuhraya Duta – Ulu Kelang (DUKE) atau DUKE Fasa 2 ialah merujuk kepada skim mengatasi kesesakan trafik di sekitar jajaran DUKE sedia ada, iaitu di Jalan Segambut, Jalan Pahang dan Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Projek DUKE Fasa 2 ini dilaksanakan secara kaedah penswastaan oleh pihak konsesi. Pada masa kini kerja-kerja awalan dan pembersihan tapak sedang giat dijalankan oleh pihak kontraktor. Manakala fasa pembinaan pula akan dimulakan pada bulan Julai 2014. Keseluruhan projek DUKE Fasa 2 ini dijangka akan disiapkan dalam tempoh 30 bulan.

Sekian. Terima kasih.